

14/06/2001

Nota 1st Silicon terlebih langganan

NOTA kadar terapung bercagar bernilai RM1.235 bilion (AS\$325 juta) yang diterbitkan 1st Silicon (M) Sdn Bhd, terlebih langgan oleh institusi luar pesisir.

Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Dr George Chan Hong Nam, berkata ia adalah penunjuk bahawa pihak luar melihat 1st Silicon mampu menjana perolehan tinggi.

"Saya dimaklumkan bahawa nota berkenaan yang dijual di Singapura dan Hong Kong terlebih langganan, tetapi saya tidak pasti berapa banyak jumlahnya.

"Namun apa yang pasti ia adalah penunjuk bahawa 1st Silicon berada di landasan yang betul," katanya kepada pemberita selepas melawat kilang syarikat pengeluar jubin seramik, Kim Hin Industry Bhd (Kim Hin), di Kuching, kelmarin.

1st Silicon yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 23 Februari lalu, adalah pengeluar fabrikasi wafer 200 mm.

Loji fabrikasi wafernya di Kawasan Perindustrian Bebas Sama Jaya, di Kuching, memulakan operasi pengeluaran tiga bulan lalu, berkeupayaan mengeluarkan 30,000 wafer sebulan.

(END)